



## KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

### PANDUAN DAN PROSEDUR PERMOHONAN MENGIKUTI PENGAJIAN DI INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI DI MOROCCO

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mempelawa pelajar lulusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) tahun 2018 yang berkelayakan dan berminat untuk melanjutkan Pengajian ke Morocco dalam Program Ijazah Sarjana Muda bagi Pengajian Islam.

Permohonan hanya diproses oleh KPM sahaja. KPM tidak mendaftar / melantik mana-mana agen bagi urusan permohonan dan penempatan pelajar ke Morocco. Oleh yang demikian, penggunaan agen bagi menguruskan permohonan dan penempatan ke Morocco adalah atas pilihan dan tanggungjawab pelajar atau ibubapa sendiri.

Pihak KPM hanya menguruskan permohonan dan penempatan pelajar ke Morocco sahaja. Manakala yuran pengajian ditanggung / diuruskan sendiri oleh pelajar yang memohon.

Permohonan adalah secara atas talian yang akan dibuka pada **15 Julai 2019 (Isnin)** dan dijangka tutup pada **22 Julai 2019 (Isnin)**. Untuk makluman, pemohon perlu menghantar dokumen-dokumen sokongan kepada Bahagian Education Malaysia, Jabatan Pendidikan Tinggi selewat-lewatnya sebelum atau pada **2 Ogos 2019 (Jumaat)** sebelum pukul 12.00 tengah hari.

**SYARAT PERMOHONAN KE UNIVERSITI DI MOROCCO**

1. Ijazah Sarjana Muda bagi bidang Pengajian Islam dan yang berkaitan:
  - 1.1 **Pengajian Islam**

Mempunyai **Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) tahun 2018** dengan memperoleh sekurang-kurangnya **gred A-** dalam **subjek berkaitan Pengajian Islam**.

SPM selain tahun 2018 tidak akan diterima dan pemilihan adalah berdasarkan sistem meritokrasi.
  
2. Ijazah Sarjana (*Master*) – **(Permohonan secara manual dengan memuat turun borang permohonan.)**
  - 2.1 **Ijazah Sarjana Muda (*Degree*)** dalam bidang yang berkaitan daripada Kerajaan Morocco dengan purata gred kumulatif (PNGK) tidak kurang daripada 3.00.
  - 2.2 Calon-calon perlu menyatakan bidang pengajian dan institusi yang dipilih dengan berpandukan maklumat di pautan ini **[www.enssup.gov.ma](http://www.enssup.gov.ma)** dan juga mana-mana universiti di Morocco.

## CARA MOHON

1. Sila ambil perhatian perkara-perkara berikut sebelum dan semasa mengisi permohonan secara dalam talian / *online*;
  - 1.1 Pastikan anda membaca panduan dan prosedur permohonan melanjutkan pengajian ke Morocco sebelum mengisi permohonan atas talian;
  - 1.2 Anda perlu mendaftar terlebih dahulu sebelum membuat permohonan atas talian. Sila pastikan emel yang didaftarkan adalah aktif serta nama penuh dan nombor kad pengenalan anda adalah betul dan tepat;
  - 1.3 Setelah membuat pendaftaran, anda perlu log masuk ke dalam sistem permohonan dalam talian bagi melengkapkan maklumat permohonan;
  - 1.4 Anda hanya dibenarkan untuk membuat permohonan bagi **SATU (1)** negara dan **SATU (1)** bidang sahaja. Dinasihatkan supaya membuat permohonan yang memenuhi syarat kelayakan yang telah ditetapkan;
  - 1.5 Pastikan maklumat yang diisi adalah betul dan lengkap sebelum anda tekan butang simpan dan hantar;
  - 1.6 Anda dinasihatkan berhati-hati dan teliti semasa mengisi permohonan. Kemaskini permohonan boleh dilakukan sehingga tarikh akhir permohonan;
  - 1.7 Anda dikehendaki mencetak borang permohonan sebagai rujukan;

## LAMPIRAN C

- 1.8 Permohonan yang tidak lengkap tidak akan diproses dan akan ditolak sama sekali;
- 1.9 Bagi pemohon yang layak, anda perlu membuat terjemahan sijil SPM dan Sijil Lahir / Surat Beranak / Borang W serta terjemahan sijil tersebut perlu disahkan;
- 1.10 Anda dinasihatkan untuk membuat terjemahan Sijil Lahir dan keputusan SPM lebih awal bagi mengelakkan kelewatan penerimaan terjemahan;
- 1.11 Terjemahan SPM dan Sijil Lahir / Surat Beranak / Borang W dalam Bahasa Arab boleh dibuat di Institut Terjemahan Buku Malaysia di alamat berikut;

**Institut Terjemahan Buku Malaysia**  
**Wisma ITBM**  
**No. 2, Jalan 2/27E**  
**Wangsa Maju, Seksyen 10**  
**53300 KUALA LUMPUR**  
**No. Tel : 03-4149 7210/ 03-4145 1800**  
**(samb. 1850/ 1852/ 1854/ 1861)**  
**No. Faks : 03-4149 1535/ 0341432939/ 0341432946**

- 1.12 Terjemahan sijil SPM dan Sijil Lahir/ Surat Beranak/ Borang W perlu disahkan oleh Bahagian Konsular, Kementerian Luar Negeri di alamat berikut;

**Kementerian Luar Negeri**  
**Bahagian Konsular, Wisma Putra**  
**No 1, Jalan Wisma Putra, Presint 2**  
**62602 Putrajaya**  
**No tel : 03-8000 8000**  
**No faks : 03-8889 1717**

- 1.13 Semua dokumen sokongan perlu disahkan oleh Pegawai Kanan Kerajaan (Kumpulan A) / Ahli Dewan Undangan Negeri / Pesuruhjaya Sumpah / Pengetua / Guru Besar / Ketua Kampung / Penggawa / Penghulu;

- 1.14 Bagi permohonan ke **Morocco** pemohon adalah **diwajibkan** untuk mendapatkan Sijil Kelakuan Baik (*Letter of Good Conduct*) daripada Kementerian Luar Negeri. Permohonan boleh dibuat melalui laman sesawang berikut: <http://www.kln.gov.my/web/guest/home> (Online Services - eConsular);
- 1.15 Bagi permohonan yang menggunakan keputusan SPM pemohon perlu menghantar dokumen-dokumen sokongan kepada Bahagian Education Malaysia, Jabatan Pendidikan Tinggi selewat-lewatnya sebelum atau pada **2 Ogos 2019 (Jumaat) sebelum jam 12.00 tengah hari**;
- 1.16 Dokumen-dokumen sokongan perlu dikemukakan ke alamat di bawah mengikut tarikh yang telah ditetapkan:
- Pengarah  
Bahagian Education Malaysia  
Jabatan Pendidikan Tinggi  
Aras 4, No 2, Menara 2, Jalan P5/6  
Presint 5, 62200 PUTRAJAYA  
(u.p. : Bilik Operasi Timur Tengah)**
- 1.17 Sekiranya dokumen sokongan tidak dikemukakan kepada Bahagian ini pada tarikh yang ditetapkan, secara **automatik** permohonan anda terbatal dan ditolak; dan
- 1.18 Anda **WAJIB** mengisi **Borang Aku Janji Permohonan Melanjutkan Pengajian Ke Timur Tengah Bagi Sesi 2019/2020**.
2. Sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut bolehlah menghubungi, Bahagian Education Malaysia, Jabatan Pendidikan Tinggi di talian, **03-8870 6627/6226**.

**PERINGATAN!!**

Pemohon yang didapati sengaja atau tidak sengaja memberi maklumat salah/tidak benar/manipulasi maklumat dalam permohonan dalam talian / online dan dokumen-dokumen sokongan yang berkaitan akan diambil tindakan tegas dengan menarik balik permohonan dan surat tawaran serta dikenakan tindakan undang-undang.

**MAKLUMAT LANJUT**

Untuk maklumat lanjut, pelajar boleh menghubungi alamat berikut:

**Pejabat Kedutaan Besar Malaysia Di Rabat, Morocco**

Kedutaan Besar Malaysia Di Rabat

No 17 Avenue Bir Kacem

Soussi 10000

Kingdom Of Morocco

Tel : (212-537)658324/355

Faks : (212-537)658 363

Laman Web : [http://www.kln.gov.my/web/mar\\_rabat/home](http://www.kln.gov.my/web/mar_rabat/home)

Alamat kedutaan luar negara boleh didapati di alamat berikut:

**Kementerian Luar Negeri Malaysia**

Wisma Putra, No 1, Jalan Wisma Putra

Presint 2

62602 PUTRAJAYA

Tel : 03-8000 8000

Faks : 03-8889 1717

Laman Web : <http://www.kln.gov.my>

**Disediakan oleh:**

**Bahagian Education Malaysia  
Jabatan Pendidikan Tinggi  
Aras 4, No.2, Menara 2, Jalan P5/6, Presint 5  
62200 PUTRAJAYA  
Tel: 03-8000 8000  
Faks: 03-8870 6853  
Laman Web: <http://www.moe.gov.my/>**